

Taklimat berkenaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775]


Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

Objektif

- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang awam terhadap Akta 775
- Memberi maklumat terkini berkenaan Akta 775 kepada orang awam
- Menggalakkan pengamal PT&K untuk berdaftar dengan Majlis PT&K dalam tempoh peralihan yang akan ditetapkan kelak.

Kandungan

- Pengenalan berkenaan Akta 775
- Perancangan penguatkuasaan Akta 775
- Soalan-soalan lazim
- Sesi soal jawab



**Apa itu
Akta Perubahan Tradisional
dan Komplementari (PT&K) 2016
[Akta 775]?**

Akta PT&K 2016 [Akta 775]

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis PT&K bagi mengawal selia perkhidmatan PT&K di Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akta PT&K 2016 [Akta 775]

Tarikh Pewartaan: 10 Mac 2016

Tarikh Kuatkuasa: secara berperingkat

Fasa 1: 1 Ogos 2016

Seksyen 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 20, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 60 dan 61 dan subseksyen 63(1) dan (3).

S1(2), Akta 775: Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Akta PT&K 2016 [Akta 775]

11 Bahagian
63 Seksyen

Bahagian

I. Permulaan

II. Majlis PT&K

III. Pentadbiran Am

IV. Pendaftaran Pengamal PT&K

V. Kewajipan dan Tanggungjawab

Pengamal Berdaftar

VI. Prosiding Tatatertib

VII. Hak Pesakit

VIII. Badan Pengamal PT&K

IX. Penguatkuasaan

X. Am

XI. Peruntukan Peralihan



Apakah implikasi Akta 775?

- ❖ Menyediakan peruntukan bagi **penubuhan Majlis PT&K** dan memberi **kuasa** kepada Majlis PT&K untuk menetapkan perkara yang berkaitan amalan dan pengamal PT&K di Malaysia
- ❖ Mewajibkan individu yang ingin mengamal dalam mana-mana bidang amalan PT&K yang diiktiraf untuk **berdaftar** dengan Majlis PT&K serta **mekanisme** dan **kriteria** yang berkaitan
- ❖ Menggariskan **kewajipan dan tanggungjawab** yang perlu dipatuhi oleh seorang **pengamal berdaftar**
- ❖ Menetapkan **bidang kuasa tata tertib** Majlis PT&K terhadap **pengamal berdaftar** termasuk hukuman tata tertib yang boleh diambil serta prosiding yang berkaitan

- ❖ Menyediakan peruntukan bagi melindungi **hak pesakit** yang menerima perkhidmatan PT&K
- ❖ Menyediakan peruntukan bagi **menetapkan badan pengamal PT&K** untuk membantu Majlis PT&K dalam menjalankan fungsinya mengikut keperluan
- ❖ Menyediakan peruntukan bagi melantik pegawai diberi kuasa dan menjalankan aktiviti **penguatkuasaan**



Apa itu amalan PT&K?

Amalan PT&K (S3, Akta 775)



Bidang amalan PT&K diiktiraf?

→ akan ditetapkan oleh Menteri Kesihatan atas syor Majlis PT&K DAN disiarkan dalam Warta



Siapa anggota Majlis PT&K?

Apakah fungsi dan kuasanya?

Keanggotaan Majlis (S6, Akta 775)

S6(2), Akta 775: Pengerusi Majlis
= Ketua Pengarah Kesihatan

S8(2), Akta 775: Pengerusi silih
ganti
= Timbalan Ketua Pengarah
Kesihatan (Perubatan)

wakil
Kementerian
Kesihatan
Malaysia (≤ 3)

individu daripada
industri dengan
pengalaman dan
kelayakan PT&K
(5)

wakil universiti
tempatan dengan
kepakaran PT&K
(2)

MAJLIS PT&K
($\leq 21 + 1$)

Anggota Majlis akan dilantik
oleh Menteri Kesihatan atas
syor Ketua Pengarah

S6(1), Akta 775

wakil badan
pengamal yang
dilantik (≤ 8)

pengamal
berdaftar dalam
perkhidmatan
awam (≤ 3)

Fungsi Majlis PT&K (1)

- Menasihati Menteri mengenai perkara dasar negara yang berhubungan dengan amalan PT&K;
- **Menetapkan kelayakan** untuk setiap bidang amalan;
- **Mengiktiraf kelayakan** yang diberikan oleh mana-mana institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dan dibenarkan oleh mana-mana negara luar Malaysia, bagi maksud pendaftaran di bawah Akta ini;
- **Menentukan kelayakan akademik** yang sesuai atau perakuan kemahiran yang diiktiraf;

Fungsi Majlis PT&K (2)

- Menentukan perantisan yang perlu dan latihan yang dikehendaki;
- Mendaftarkan individu yang menyediakan perkhidmatan PT&K;
- Mengeluarkan perakuan amalan kepada pengamal berdaftar;
- Mengadakan kod tatakelakuan profesional, kaedah-kaedah yang berhubungan dengan tatakelakuan profesional pengamal berdaftar;
- Membangunkan, menjalankan, menetapkan dan memberi mandat bagi apa-apa perkara berkaitan atau berhubungan dengan amalan PT&K atau profesionalisme amalan itu;
- Menentukan, menyediakan dan mentadbir tatacara dan proses aduan;


Fungsi Majlis PT&K (3)

- Mengadakan kaedah-kaedah yang berdasarkananya pengamal berdaftar merujuk pesakit mereka kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian;
- Mendapatkan maklumat berkaitan daripada pengamal dan memberikan itu kepada Menteri;
- Menjalankan apa-apa fungsinya sebagaimana yang ditentukan oleh Akta ini; dan
- Menjalankan segala aktiviti lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dan arahan itu hendaklah selaras dengan tujuan Akta ini.




Apakah mekanisme pendaftaran?

Pendaftaran pengamal tempatan (Selepas Akta dikuatkuasakan)




Pendaftaran pengamal tempatan (Dalam tempoh peralihan)



Kesan tidak berdaftar

- Seseorang yang bukan seorang pengamal berdaftar tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, mengamalkan perkhidmatan PT&K.

Kesalahan	Penalti
Pertama	Denda \leq RM 30,000 or Penjara \leq 2 tahun atau KEDUA-DUANYA
Berikutnya	Denda \leq RM 50,000 or Penjara \leq 3 tahun atau KEDUA-DUANYA



Apakah kewajiban dan tanggungjawab pengamal berdaftar?

1. Penggunaan gelaran dan singkatan

- Tidak boleh menggunakan gelaran atau singkatan yang menyebabkan orang awam mempercayai bahawa pengamal tersebut berkelayakan untuk mengamal perubatan atau menjalankan pembedahan.
- Majlis PT&K akan menentukan gelaran dan singkatan yang dilarang.

2. Kewajipan untuk merujuk pesakit kepada pengamal perubatan atau pergigian.

- Merujuk jika pesakit mengalami:
 - Kecemasan perubatan akut
 - Keadaan pesakit adalah di luar kepakaran pengamal

- Menerangkan dan menasihatkan pesakit atau penjaga mengenai kewajipan merujuk pesakit kepada pengamal perubatan atau pergigian → membolehkan mereka membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberi.

3. Kewajipan untuk melaporkan


- Wabak
- Penularan penyakit setempat
- Penyakit berjangkitan serta penyakit lain
- Masalah kesihatan awam
- Kesan buruk yang dialami oleh pesakit disebabkan perkhidmatan PT&K

4. Penggunaan Peranti Perubatan

Tertakluk kepada Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737]

5. Pengiklanan dan promosi


- Tidak boleh membuat tuntutan palsu dalam apa-apa bentuk iklan perkhidmatan PT&K yang diberikan.
- Tidak boleh membuat sebarang pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan perkhidmatan PT&K dengan tujuan mendorong/mempengaruhi orang ramai untuk membeli perkhidmatan tersebut.



Pengiklanan dan promosi

➤ Kesan Kesalahan

Kesalahan	Penalti
Pertama	Denda \leq RM 30,000 or Penjara \leq 2 tahun atau KEDUA-DUANYA
Berikutnya	Denda \leq RM 50,000 or Penjara \leq 3 tahun atau KEDUA-DUANYA



**Apakah bidang kuasa tata tertib
Majlis PT&K terhadap pengamal
berdaftar?**

Bidang kuasa tata tertib Majlis PT&K

Majlis boleh menjalankan bidang kuasa tata tertib ke atas mana-mana pengamal berdaftar yang -

1. telah berkelakuan sedemikian cara sehingga menyebabkan profesyennya mendapat nama buruk;
2. tidak mematuhi piawai amalan mandatori yang terkandung dalam kod tadbir urus dan kod amalan;
3. dikatakan telah melakukan salah laku profesional yang serius;
4. telah mendapatkan pendaftaran secara fraud atau salah nyataan;
5. tidak layak didaftarkan pada masa dia didaftarkan; atau
6. tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini, atau perundangan subsidiari atau syarat yang dikenakan di bawah Akta ini.

Hukuman tata tertib

Majlis boleh mengenakan mana-mana hukuman yang berikut:

1. mencela pengamal berdaftar berkenaan;
2. memerintah supaya pendaftaran pengamal berdaftar berkenaan dijadikan tertakluk kepada 1 atau lebih **syarat** yang berikut:
 - apa-apa syarat yang berhubungan dengan bidang amalan pengamal berdaftar berkenaan yang difikir sesuai oleh Majlis;
 - menjalani kursus atau pembelajaran sebagaimana ditetapkan oleh Majlis; atau
 - melaporkan mengenai bidang amalannya kepada mana-mana orang yang ditetapkan oleh Majlis;
3. memerintah supaya nama pengamal berdaftar itu **digantung atau dipotong daripada daftar**


Majlis juga boleh mengenakan **denda** sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis sebagai hukuman tambahan.



Apakah kuasa Pegawai diberi
kuasa di bawah Akta 775?

- Bahagian IX, Seksyen 48 hingga 59 memperuntukkan perkara berkaitan penguatkuasaan.

Seksyen	Kuasa
50	Menyiasat apa-apa kesalahan dalam PT&K
51	Mengeluarkan Perintah Berhenti
53	Memeriksa dan merampas dengan waran (kebenaran Majistret)
54	Memasuki premis
55	Mengambil sampel
56	Mengakses data



Apa yang dimaksudkan dengan
kuatkuasa Akta 775 secara
berperingkat?

Penguatkuasaan secara berperingkat



Fasa 1: 1 Ogos 2016

Seksyen dikuatkuasa: 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 20, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 60, 61, 63(1) dan (3).

Penguatkuasaan secara berperingkat



1. Membolehkan penubuhan Majlis PT&K
2. Penetapan bidang amalan PT&K yang diiktiraf
3. Penetapan kriteria pendaftaran bagi bidang amalan yang diiktiraf
4. Badan pengamal yang dilantik oleh KKM sebelum ini terhenti menjalankan fungsinya sehingga dilantik semula di bawah S42, Akta 775


Penguatkuasaan secara berperingkat



Fasa 2: Tarikh belum dimuktamadkan

1. Memulakan pendaftaran pengamal
2. Merupakan tempoh peralihan dan menggalakkan pengamal untuk berdaftar
3. Seksyen yang berkaitan dengan pengawalseliaan pengamal berdaftar akan berkuatkuasa, e.g.: prosiding tatatertib etc

Penguatkuasaan secara berperingkat



Fasa 3: Tamat tempoh peralihan

1. Mana-mana individu yang mengamal bidang amalan PT&K yang diiktiraf tanpa berdaftar dengan Majlis PT&K telah melanggar Akta 775 dan akan diambil tindakan perundangan



Soalan-Soalan Lazim

Q1: Adakah saya masih boleh mengamal sementara menunggu permulaan proses pendaftaran?

- Ya. Namun begitu, pengamal PT&K perlu berdaftar dengan Majlis PT&K sebaik sahaja proses pendaftaran dibuka sekiranya anda mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf. Kelulusan permohonan pendaftaran anda adalah tertakluk kepada keputusan Majlis PT&K

Q2: Adakah saya masih boleh mengamal sekiranya tidak berdaftar dengan Majlis selepas proses pendaftaran bermula?

- Individu yang mengamal/ menawarkan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan yang diiktiraf adalah WAJIB untuk berdaftar dengan Majlis PT&K serta memenuhi kriteria pendaftaran seperti yang ditetapkan oleh Majlis.

Q3: Saya telah berdaftar dengan e-Pengamal secara online. Perlukah saya berdaftar lagi?

- e-Pengamal merupakan sistem pendaftaran secara sukarela atas talian dan bertujuan bagi pengumpulan data pengamal PT&K di Malaysia. Merujuk kepada Akta 775, semua pengamal PT&K yang ingin mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf adalah wajib untuk berdaftar dengan Majlis PT&K yang akan ditubuhkan kelak.

Q4: Sekiranya saya telah berdaftar dengan badan pengamal sebelum akta dikuatkuasakan, adakah saya masih perlu berdaftar dengan Majlis PT&K setelah ditubuhkan nanti?

- Walaupun telah berdaftar dengan mana-mana badan pengamal yang dilantik oleh KKM sebelum penguatkuasaan Akta, pengamal PT&K masih perlu berdaftar dengan Majlis PT&K sekiranya ingin mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf.

Q5: Sekiranya saya tidak sempat/ tidak pernah berdaftar dengan badan pengamal sebelum Akta dikuatkuasakan, adakah saya masih boleh mendaftar sebagai pengamal PT&K di Malaysia? Adakah saya boleh dipertimbangkan untuk pengecualian latihan residensi dengan mengambil kira pengalaman kerja saya?

- Pengamal PT&K boleh berdaftar dengan Majlis PT&K sekiranya memenuhi kriteria pendaftaran yang akan ditetapkan oleh Majlis PT&K. Perkara berkaitan pengecualian latihan residensi akan diputuskan oleh Majlis PT&K kelak.

Q6: Saya pernah berdaftar dengan badan pengamal yang diiktiraf tetapi saya tidak memperbaharui keahlian saya, adakah saya masih mendapat keistimewaan pengecualian latihan residensi di bawah subseksyen 63(3)?

- Semua badan pengamal yang dilantik oleh KKM telah diminta untuk menghantar senarai nama keahlian yang lengkap (sehingga tarikh 31 Julai 2016) kepada BPTK. Senarai nama ini akan dijadikan rujukan oleh Majlis PT&K yang akan ditubuhkan nanti semasa memproses permohonan pendaftaran pengamal PT&K.

Q7: Bagaimanakah saya mendaftarkan produk herba/ premis PT&K/ peranti perubatan untuk amalan PT&K?

- Pendaftaran produk herba adalah di bawah bidang kuasa Agensi Regulatori Farmasi Negara. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi 03 - 7883 5400.
- Bahagian ini hanya mengawalselia amalan dan pengamal PT&K, manakala premis PT&K adalah di luar bidang kawal selia Bahagian ini dan tertakluk kepada keperluan pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, orang awam dinasihatkan untuk merujuk kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan prosedur pembukaan premis PT&K.
- Pendaftaran peralatan perubatan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Peranti Perubatan. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi 03 - 8892 2400

Q8: Saya ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang PT&K. Bolehkah saya mengetahui sekiranya kelayakan ini diiktiraf oleh KKM?

- Pendidikan dalam bidang PT&K di Malaysia boleh dibahagikan kepada program pendidikan tinggi dan program kemahiran. Kelayakan bagi bidang amalan yang diiktiraf akan ditentukan oleh Majlis PT&K. Pada masa ini, calon yang berminat disarankan untuk mengikuti program PT&K dalam negara seperti berikut:
 - 1) Program pendidikan tinggi yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, atau
 - 2) Program kemahiran mengeluarkan Persijilan Kemahiran Malaysia daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Bagi program luar negara, calon yang berminat disarankan untuk mengikuti program yang mendapat pengiktirafan daripada negara asal.

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang menawarkan program PT&K

No.	Institusi	Program yang ditawarkan
1.	Southern University College	a. Bachelor Degree of Traditional Chinese Medicine
2.	Tunku Abdul Rahman University	a. Bachelor of Traditional Chinese Medicine (Hons)
3.	INTI International University	a. Bachelor of Traditional Chinese Medicine (Hons)
4.	Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)	a. Bachelor of Homeopathic Medical Science (Hons)
5.	Management and Science University (MSU)	a. Bachelor in Traditional Chinese Medicine (Hons) b. Diploma in Traditional Chinese Medicine
6.	International Medical University (IMU)	a. Bachelor of Science (Hons) Chinese Medicine b. Bachelor of Science (Hons) Chiropractic
7.	Malacca College of Science and Management	a. Diploma in Natural Medicine
8.	Lincoln University College	a. Diploma in Traditional Chinese Medicine
9.	Institute of Physical Science, Culture & Arts	a. Diploma in Malay Massage
10.	International Institute of Management & Technology (IIMAT)	a. Bachelor in Traditional Chinese Medicine
11.	Xiamen University Malaysia	a. Bachelor in Traditional Chinese Medicine ⁴⁷

Q9: Apakah proses pendaftaran sekiranya saya ingin mengamal lebih daripada satu bidang amalan? Adakah saya perlu membuat permohonan pendaftaran secara berasingan?

- Berdasarkan kepada subseksyen 23;

(1) Pengamal boleh didaftarkan dalam 1 bidang amalan atau lebih jika dia memenuhi kelayakan yang dikehendaki bagi bidang amalan itu dan telah membayar fi yang ditetapkan.

(2) Kriteria pendaftaran, kelayakan yang dikehendaki, jenis dan bidang lapangan dan tatacara pendaftaran adalah sebagaimana yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, pengamal yang ingin mengamal lebih daripada satu bidang amalan yang diiktiraf perlu membuat pendaftaran dengan memenuhi kriteria pendaftaran seperti yang ditetapkan oleh Majlis untuk setiap bidang amalan diiktiraf yang ingin diamalkan. Tatacara pendaftaran akan dimaklumkan apabila dimuktamadkan.

Q10: Bagaimanakah saya akan diberitahu berkenaan permulaan proses pendaftaran?

- Permulaan proses pendaftaran akan diumumkan di portal rasmi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) (<http://tcm.moh.gov.my>). Oleh itu, orang awam disarankan untuk mengunjungi laman sesawang tersebut dari semasa ke semasa.

Q10: Bagaimanakah saya akan diberitahu berkenaan permulaan proses pendaftaran?

- Permulaan proses pendaftaran akan diumumkan di portal rasmi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) (<http://tcm.moh.gov.my>). Oleh itu, orang awam disarankan untuk mengunjungi laman sesawang tersebut dari semasa ke semasa.

Q11: Bilakah pendaftaran pengamal PT&K bermula?

- Pendaftaran pengamal PT&K dengan Majlis PT&K akan dijalankan secara berperingkat dan akan bermula pada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak. Oleh itu, permohonan pendaftaran tidak akan diterima dan diproses buat masa ini.



Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

Blok E, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur

Website: <http://tcm.moh.gov.my>

Emel: tcm@moh.gov.my

Tel: +603-2279 8100

Fax: +603-2697 1500



Official Portal
Traditional & Complementary Medicine Division
 Ministry Of Health Malaysia

Block E, Cenderasari Road 50590 Kuala Lumpur

Tel : 03 - 2698 5077 / 03 - 2279 8100 Fax : 03 - 2691 1259 / 03 - 2697 1500 Email : tcm@moh.gov.my Website : http://tcm.moh.gov.my



Search | RSS Feed | A+ A- reset

Tuesday, January 29, 2013

[Home](#) | [Profile](#) | [Policy](#) | [Practice](#) | [Practitioner Bodies](#) | [Education](#) | [Information](#) | [Publication](#) | [Archive](#) | [Contact Us](#)

Malay Version
 FAQ
 eInquiry
 eComplaint

T&CMD Application



Support



[Public](#) | [Practitioner](#) | [Staff BPTK](#)

Announcement

1. [253] Foreign T&CM Practitioner...

Download Forms

1. Foreign Practition... (305)
2. Local Practitioner (69)

Publication

- Annual Report
- Consumer Education Bulletin
- Gallery
- Newspaper Cutting
- Interview

Practitioner Bodies

Terms of Reference

The following are recognized practitioner bodies ;

- GAPERA
- FCPMDAM
- FCPAAM
- MCMA
- PEPTIM
- MPHM
- FCNMAM
- Islamic Medical Practice

Relevant Link

- National Pharmaceutical Control Bureau
- Immigration Department of Malaysia
- Local Municipal Council
- Department of Higher Education
- National Institutes of Health
- Ministry of Home Affairs
- Registry of Societies
- Intellectual Property Corporation of Malaysia
- Companies Commission of Malaysia
- Pharmaceutical Services Division

LINKS



Portal Last Updated
29/1/2013

Login
 Username:
 Password:
 Remember Me
 User Login

Lost Password
 Register now

MOHCub
 User ID
 Password
 Login

Web Count
 00553

DISCLAIMER: The Traditional and Complementary Medicine Division shall not be liable for any loss or damage caused by the usage of any information obtained from this web site.

Security Policy | Privacy Policy | Site Map | Support Link

Best viewed using Mozilla Firefox with the resolution of 1280 x 960.

Terima Kasih



الوزراء
السيونل دان كومقلايمنتاري
TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA